

29 SEP 2003

MAHATHIR-CIP/I

DR MAHATHIR LANCAR PROGRAM DANA PRA-AWAL

PUTRAJAYA, 29 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan "Cradle Investment Programme" (CIP), dana pra-awal Malaysia pertama bagi usahawan yang mula meningkat dalam bidang yang luas terutamanya dalam perkembangan idea sektor maklumat, komunikasi dan teknologi.

Dr Mahathir berkata kerajaan amat berminat untuk menyediakan bantuan kewangan kepada usahawan yang berpotensi untuk menolong mereka merealisasikan potensi perniagaan mereka.

"Kami (kerajaan) berminat untuk membantu mereka ini dengan menyediakan wang, tetapi mereka tidak boleh menganggap kerajaan tidak bimbang sama ada mereka akan kehilangan wang atau tidak."

"Selalunya, kami amat berhati-hati dalam menyalurkan wang," kata beliau semasa merasmikan program berkenaan di Kementerian Kewangan di sini.

Bagaimanapun, beliau berkata usahawan muda tidak sepatutnya dihalang sekiranya mereka menghadapi kesukaran dalam mendapatkan bantuan pembiayaan untuk menyokong idea perniagaan mereka dan tidak sepatutnya sangsi bagi mendapatkan bantuan daripada pemodal teroka.

"Terdapat idea yang mungkin memberikan hasil dan yang mungkin tidak, tetapi walaupun demikian, pemodal teroka perlu memberikan sokongan dan bantuan yang secukupnya kepada usahawan ini.

"Dan sementara itu, usahawan perlu mempunyai dana individu tertentu bagi membantu menyokong idea mereka sendiri yang akan menjadikan mereka merasakan lebih bermotivasi untuk meneruskan idea mereka itu," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga memuji pemodal teroka yang bersedia mengambil risiko untuk melabur dana, walaupun mengetahui daripada 20 idea yang dihasilkan, satu yang akhirnya akan muncul sebagai penyumbang wang kepada syarikat.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, juga menyampaikan geran berjumlah RM1 juta kepada 20 usahawan perintis hari ini di bawah CIP yang dikendalikan oleh Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP).

Sejumlah RM100 juta diperuntukkan oleh Kementerian Kewangan dalam membantu individu menggerakkan idea asal mereka, kebanyakannya dalam ICT, dengan menyediakan geran dan bantuan teknikal.

Sementara itu, pengerusi MAVCAP, Datuk Dr Abdul Samad Alias, berkata 20 usahawan terpilih akan dipadankan dengan mereka yang berpengalaman dalam perniagaan di bawah skim mentor, supaya idea baru akan ditukarkan kepada projek yang berdaya maju dan komersial.

Sehingga kini, CIP mempunyai lebih 70 profesional berpengalaman dalam perniagaan dan usahawan yang bersedia untuk menyumbang kepada program tersebut, yang meliputi bidang yang luas, termasuk ICT, produk pengguna dan perniagaan berteknologi tinggi, elektronik, alatan perubatan dan bioteknologi serta sains hayat.

Sejak permulaannya pada Julai tahun ini, MAVCAP telah menerima lebih daripada 1,200 permohonan dengan idea tulen yang menarik.

CIP dijangka membiayai antara 300 hingga 500 idea menjelang akhir tahun. -- BERNAMA

WNZ MR NHD